

# Negeri Sembilan di landasan tepat pulihkan ekonomi

Inisiatif dan usaha kerajaan memulihkan semula ekonomi negara memberi kesan positif secara langsung kepada pertumbuhan ekonomi Negeri Sembilan.

Ekonomi negeri ini telah mulai pulih daripada krisis global Covid-19 selari dengan pemulihan yang ditunjukkan di peringkat nasional. Malah, Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) adalah lebih baik pada 2021 iaitu peningkatan 3.0 peratus berbanding penyusutan 3.6 peratus pada 2020.

Peneraju pertumbuhan utama di Negeri Sembilan adalah sektor pembuatan dan perkhidmatan yang meningkat sebanyak 7.2 peratus dan 2.0 peratus.

Sektor pembuatan memulih berbanding tahun 2020 (-4.9 peratus) dan diterajui oleh pertumbuhan yang kukuh dalam subsektor elektrik, elektronik, optikal dan lain-lain.

Sektor perkhidmatan pula menunjukkan pertumbuhan positif yang mengimbangi penurunan dalam subsektor perdagangan barang dan runcit, makanan dan minuman serta penginapan.

Sektor pertanian juga menunjukkan pemulihan kepada -0.4 peratus berbanding -6.7 peratus pada 2020. Prestasi yang sama turut ditunjukkan dalam sektor perombongan dan pengkuaran iaitu -15.3 peratus pada 2020 kepada -3.4 peratus pada 2021.

Bagi sektor pembinaan, peningkatan direkodkan daripada -25.6 peratus pada 2020 kepada -0.3 peratus pada 2021 yang disokong oleh subsektor pembinaan bangunan meningkat daripada -2.6 peratus kepada 3.9 peratus pada 2021 dan subsektor aktiviti pembinaan pertukangan khas daripada -36.1 peratus kepada 17.9 peratus.

KDNK Malaysia terus berkembang 5.0 peratus pada suku tahun pertama 2022 berbanding 3.6 peratus bagi tempoh sama 2021. Pertumbuhan KDNK ini disokong oleh pengukuhan sektor perkhidmatan sebanyak 6.5 peratus, pembuatan (6.6 peratus) dan pertanian (0.2 peratus).

Sementara itu, Jabatan Perangkaan Malaysia merekodkan kadar penyertaan tenaga buruh (KPTB) di negeri ini menurun 0.8 peratus daripada 64.1 peratus pada 2020 kepada 63.3 pada 2021, manakala kadar pengangguran meningkat 0.4 peratus kepada 4.2 peratus pada 2021 berbanding 2020 sebanyak 3.8 peratus.

Berdasarkan rekod ini, kadar pengangguran di Negeri Sembilan pada 2021 adalah lebih rendah berbanding Malaysia 4.6 peratus.

## Pelaburan meningkat

Negeri Sembilan masih berupaya menarik sejumlah pelaburan membanggakan iaitu sebanyak RM7.93 bilion pada 2020. Pencapaian ini mencatatkan peningkatan kenalkan sebanyak 14 peratus berbanding 2019 iaitu RM6.96 bilion.



DATUK SERI AMINUDDIN HARUN

Kerajaan Negeri Sembilan turut menyediakan dasar mesra pelabur dengan sasaran 'pelaburan berganda' iaitu menetapkan nilai pelaburan masuk tahun semasa yang meningkat dari tahun ke tahun.

Dari segi projek yang diluluskan, tahun 2020 mencatatkan jumlah tertinggi bagi Negeri Sembilan (dalam sektor pembuatan dan perkhidmatan terpilih) dengan 90 projek. Ini menyumbang kepada peluang pekerjaan yang berjaya diwujudkan pada 2020 sebanyak 5,773 berbanding 3,300 pada 2019.

Negeri Sembilan juga menerima RM3.83 bilion jumlah pelaburan asing (foreign direct investment) bagi tahun 2020. Pelaburan dari negara Belanda merupakan yang terbesar direkodkan di negeri ini iaitu sebanyak RM1.74 bilion.

Dengan termasuk pelaburan ini, ia menawarkan sebanyak 2,599 peluang pekerjaan baharu. Antaranya, projek pembangunan kilang Dutch Lady di Bandar Enstek.

Negeri Sembilan telah merekodkan penerimaan pelaburan domestik (domestic direct investment) terbaik sebanyak RM2.59 bilion bagi sektor pembuatan dan perkhidmatan terpilih.

Ini membuktikan bahawa dalam keadaan persekitaran yang tidak menentu, negeri ini masih terus menjadi pilihan kepada pelabur domestik dan luar negara.

Selain usaha dan perancangan yang strategik, Kerajaan Negeri Sembilan turut menawarkan beberapa insentif khas melalui program Tahun Melabur Negeri Sembilan 2021 iaitu:

1. Peruntukan Pembangunan Kemudahan Infrastruktur Kawasan Industri.
2. Mempercepatkan Proses Melalui One Stop Center (OSC).
3. Pemilikan Hartanah Oleh Warga/Syarikat Asing.
4. Bayaran premium tanah (diskaun/ bayaran berperingkat).
5. Penangguhan Caj Pembangunan.
6. Rebat Bayaran Utiliti (Air).

Insentif ini bertujuan menarik minat lebih ramai pelabur mengembangkan operasi dan pemilikan mereka ke Negeri Sembilan sekali gus melonjakkan ekonomi serta peluang pekerjaan kepada rakyat.

Kerajaan Negeri Sembilan turut menyediakan dasar mesra pelabur dengan sasaran 'pelaburan berganda' iaitu menetapkan nilai pelaburan masuk tahun semasa yang meningkat dari tahun ke tahun.

Bagi suku pertama 2021, negeri ini mencatatkan jumlah pelaburan sebanyak RM1.63 bilion di pelbagai sektor.

## Promosi pelancongan

Sektor berorientasikan pelancongan merupakan antara yang merosot berikutan sekatan pergerakan dan penutupan sempadan negara.

Bagi meminimumkan impak negatif kepada ekonomi negeri, Kerajaan Negeri Sembilan melalui Lembaga Pelancongan Negeri dan kerjasama pelbagai jabatan, agensi dan pihak berkuasa tempatan telah mengambil langkah untuk menarik kedatangan pelancong domestik ke negeri ini.

Kempen promosi 'Jom Teghojah Nismilan' diperkenalkan bermula 10 Jun 2020 selaras dengan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) melalui penyusunan semula jadual Calendar of Events (CoE) Negeri Sembilan 2021, Product Update, Product Awareness dan Product Recognition.

Kerajaan Negeri Sembilan turut mengadakan kempen melalui media sosial rasminya bagi memperkasakan promosi secara digital dan disambut baik penggiat industri dengan menawarkan diskaun dan kempen promosi masing-masing.

Pelaksanaan semula CoE Negeri Sembilan dibuat pada 2021 mengandungi 24 aktiviti dengan peruntukan sebanyak RM826,000, manakala sehingga 30 Jun lalu sebanyak 20 aktiviti telah dilaksanakan dengan peruntukan RM1.98 juta.

SELAMAT MENYAMBUUT  
HARI KEBANGSAAN  
KE-65

YAB Dato' Seri Haji Aminuddin Harun  
Menteri Besar Negeri Sembilan  
Kerajaan Negeri dan Seluruh Rakyat  
Negeri Sembilan Darul Khusus